

>>Projek pembangunan **tidak** dikawal selia sepenuhnya **penyumbang** kejadian banjir kilat

20-07-2016

setempat

41

HARIAN METRO

# Selenggara parit!

■ Kerajaan Pulau Pinang digesa serius elak banjir kilat berulang

Nursyahirah Marzuki  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**erajaan Pulau Pinang diminta mengambil perhatian serius memastikan sistem perparitan diselenggara dengan baik bagi mengelakkan kejadian banjir kilat di negeri itu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, ia berikutan kejadian banjir kilat yang berlaku di Teluk Bahang, Pulau Pinang kelmarin dikenal pasti berpunca daripada sistem perparitan yang kurang sempurna dan fenomena air pasang.

"Projek pembangunan di kawasan terbabit tidak dikawal selia sepenuhnya turut menjadi penyumbang kejadian banjir kilat di ka-

wasan itu selepas hujan lebat dengan kadar curahan 247 milimeter (mm) selama lima jam.

"Kejadian itu juga mengakibatkan 32 keluarga dipindahkan selain beberapa kawasan rendah di Pulau Pinang termasuk Bayan

Lepas, Batu Maung, Relau, Teluk Bahang serta Lapanan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dinaiki air berikutan hujan lebat berterusan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Dr Wan Junaidi berkata, be-

liau difahamkan Ahli Parlimen Balik Pulau Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang juga Timbalan Menteri Kesihatan akan memohon peruntukan daripada kerajaan negeri dan Pusat untuk membina jambatan di Sungai Teluk Bahang bagi menggantikan saluran air sedia ada.

"Bagaimanapun, cadangan itu akan dikaji Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebelum ia dilaksanakan kelak.

"Namun, kerajaan negeri disyorkan melaksanakan kerja pembersihan gelung saluran yang ter-

sumbat dengan sampah serta ranting pokok di Sungai Teluk Awak yang merintang Jalan Hassan Abas dan Jalan Nelayan di Teluk Bahang," katanya.

Beliau berkata, sebagai pendekatan jangka panjang pihaknya menyarankan gelung saluran di Jalan Abbas dinaik taraf kerana aras jalan terlalu rendah menyebabkan aliran air kerap melimpah ke atas jalan.

"Selain itu, kerajaan negeri perlu menaik taraf gelung saluran di Jalan Nelayan kerana saluran air keluar adalah kecil dan kerap menyebabkan sampah serta ranting pokok tersekat dipermukaannya.

"Punca utama banjir kilat yang boleh diurus dan dalam kawalan manusia ialah sistem saluran serta perparitan yang tersumbat dengan sampah sarap berikutan penyelenggaraan kurang sempurna," katanya.



DR Wan Junaidi

## CEC DAP tangguh pemilihan parti

**Kuala Lumpur:** Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP menangguhkan pemilihan parti itu yang sepatutnya diadakan akhir September ini.

Setiausaha Organisasi DAP Anthony Loke berkata, keputusan itu dicapai setelah suara pada mesyuarat CEC malam kelmarin bagi membolehkan parti memberikan tumpuan kepada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Pemilihan itu dinantikan oleh banyak pihak berikutan tempoh dua penggal Lim Guan Eng sebagai Setiausaha Agung DAP tamat pada tarikh berkenaan.

"Walaupun tidak akan ada pemilihan parti tahun ini, konvensyen tahunan dijadualkan diadakan pada 4 Disember depan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Keputusan itu dijangka dan dikatakan ada kaitan dengan tekanan dihadapi Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang yang

kini berdepan dengan dua pertuduhan rasuah.

Banyak pihak berpendapat, sekiranya pemilihan diteruskan maka kem Guan Eng pastinya akan kalah teruk, sekali gus penguasaan anak-beranak itu bersama bapanya Lim Kit Siang ke atas DAP mungkin berkebur.

Hal itu disedari Guan Eng dan kerana itu keputusan menangguhkan pemilihan dengan alasan PRU-14 adalah jalan terbaik.

Bagaimanapun, DAP bukan satu-satunya parti yang menangguhkan pemilihan parti sementara menantikan PRU akan datang.

Malah UMNO dan MCA mendahului parti pembangkang itu turut menangguhkan pemilihan masing-masing sehingga PRU-14.

Loke berkata, perlembagaan parti membolehkan pemilihan itu ditangguhkan sehingga 18 bulan jika PRU perlu diadakan dalam masa dua tahun.